
International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1588-1597



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)
https://gaexcellence.com/ijepc

MENGINTEGRASIKAN PENDIDIKAN 5.0 DALAM MATA PELAJARAN UMUM (MPU): ANALISIS PELAKSANAAN PENGAJARAN BERASASKAN QALBU (*HEART-BASED EDUCATION*)

INTEGRATING EDUCATION 5.0 IN GENERAL STUDIES (MPU): AN ANALYSIS OF THE IMPLEMENTATION OF QALBU-BASED TEACHING (HEART-BASED EDUCATION)

Nik Liyana Mustapa @ Nik Daud[1]*, Wan Norhaniza Wan Hasan[2]

[1]Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia; Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Malaysia
nikliyana@uitm.edu.my https://orcid.org/0009-0007-6999-5455
[2]Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia
wanhaniza@usm.my https://orcid.org/0000-0002-9470-8303
*Corresponding Author

Article Info:

Article history:
Received date: 30.07.2026
Revised date: 20.08.2026
Accepted date: 25.09.2026
Published date: 28.09.2026

Abstrak:

Pelaksanaan Mata Pelajaran Umum (MPU) bertujuan melahirkan modal insan seimbang berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Selaras dengan Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035, pendekatan. Pendidikan 5.0 berasaskan pengajaran qalbu (*heart-based education*) disyorkan bagi menyerapkan nilai murni dan adab dalam kalangan mahasiswa. Walau bagaimanapun, pelaksanaan MPU berhadapan cabaran skeptisisme pelajar yang menganggapnya sebagai bebanan akademik, di samping kelemahan kaedah pengajaran konvensional yang terlalu berorientasikan peperiksaan sumatif. Bagi merobohkan jurang ini, kajian kualitatif menerusi analisis dokumen bertujuan menganalisis dan mencadangkan anjakan pedagogi daripada penilaian teoretikal tradisional kepada pedagogi afektif dan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (*High-Impact Educational Practices*, HIEPs), khususnya dalam kelompok MPU U1 (Falsafah dan Etika)

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1588-1597

To cite this document:

Daud, N. L. M. N., & Hasan, W. N. W. (2026). Mengintegrasikan Pendidikan 5.0 Dalam Mata Pelajaran Umum (MPU): Analisis Pelaksanaan Pengajaran Berasaskan Qalbu (*Heart-Based Education*). *International Journal of Education, Psychology and Counselling, 11*(64), 1588-1597.

DOI: 10.35631/IJEPC.1164087

serta U4 (Khidmat Masyarakat). Dapatan analisis dokumen menunjukkan bahawa pendekatan berasaskan qalbu berpotensi menterjemahkan nilai moral dan etika ketamadunan ke dalam tindakan amali, sekali gus menyokong pembentukan empati sosial serta jati diri mahasiswa.

Kata Kunci:

Impak Ummah, Mata Pelajaran Umum (MPU), Pendidikan 5.0, Pengajaran Berasaskan Qalbu

Abstract:

The implementation of General Studies (MPU) aims to produce balanced human capital in line with the National Education Philosophy (FPK). Aligned with the Malaysian Higher Education Plan (RPTM) 2026–2035, Education 5.0 based on qalbu-based instruction (heart-based education) is recommended to instill noble values and adab among students. However, MPU implementation faces challenges due to student skepticism regarding its relevance, alongside conventional teaching methods that rely heavily on summative assessments. To bridge this gap, this qualitative study utilizing a document analysis approach aims to analyze and propose a pedagogical shift from traditional theoretical evaluations toward affective pedagogy and High-Impact Educational Practices (HIEPs), particularly in MPU U1 (Philosophy and Ethics) and U4 (Community Service) categories. The document analysis indicates that a qalbu-based approach has the potential to translate moral values and civilizational ethics into practical actions, thereby supporting the development of social empathy and student self-identity.

© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijepc@gaexcllence.com

Keyword:

Education 5.0, General Studies (MPU), Qalbu-Based Teaching (Heart-Based Education), Ummah Impact

Pengenalan

Pendidikan tinggi kontemporari mendepani gelombang transformasi global yang sangat dinamik seiring dengan keperluan mendepani era pascanormal (Dzulkifli Abdul Razak & Rosnani Hashim, 2019). Perubahan landskap sosioekonomi, demografi, serta kemunculan teknologi disruptif seperti kecerdasan buatan (AI) menuntut satu penilaian semula terhadap

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1588-1597
acuan kurikulum universiti agar tidak sekadar melahirkan graduan yang mahir secara teknikal tetapi tandus daripada aspek nilai keinsanan (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2026). Di Malaysia, usaha membentuk mahasiswa yang holistik ditunjangi oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang bermatlamat untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu bagi mewujudkan insan yang seimbang dari sudut jasmani, emosi, rohani, dan intelek berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Sapie Sabilan et al., 2018).

Bagi mencapai hasrat ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menstrukturkan semula sistem kurikulum wajib di peringkat universiti awam (UA) dengan memperkenalkan Mata Pelajaran Umum (MPU) bermula pada September 2013 menggantikan Mata Pelajaran Wajib (MPW) (Ng Ming Yip & Iswandi Harahap, 2017). Pelaksanaan MPU dibahagikan kepada empat kelompok utama, iaitu Kelompok U1 (Penghayatan falsafah, nilai, dan sejarah), Kelompok U2 (Penguasaan kemahiran insaniah), Kelompok U3 (Perluasan ilmu tentang Malaysia), serta Kelompok U4 (Kemahiran pengurusan masyarakat) (Ruzaini Ijon et al., 2021). Melalui kurikulum ini, pelajar bukan sahaja dinilai secara teori akademik, malah didedahkan dengan amalan nilai kemasyarakatan bagi melahirkan warganegara yang berjiwa patriotik dan seimbang (Noor Syahida Md Soh, 2022).

Seiring dengan pelancaran Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026–2035, kementerian meletakkan fokus yang jelas ke arah melahirkan bakat yang menghayati nilai (values-internalised), dipacu impak (impact-driven), dan berpaksikan kemanusiaan (humanity-centric) (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2026). Hal ini digariskan di bawah Lonjakan 1 RPTM 2026-2035: Pembelajar Berpaksikan Kemanusiaan, Berciri Keusahawanan dan Adaptif, yang menekankan kerohanian, integrasi etika, empati, dan akauntabiliti sosial sebagai panduan utama pembangunan jati diri pelajar (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2026). Peralihan fokus ini menuntut institusi pengajian tinggi untuk merombak strategi pengajaran mereka demi menyelaraskan kemenjadian graduan dengan aspirasi negara (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2026).

Bagi merealisasikan impak dasar tersebut, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah mempelopori agenda Pendidikan 5.0 bermula pada tahun 2019 (Academic Affairs Division UiTM, 2019). Pendidikan 5.0@UiTM tidak mengehadkan ekosistem pembelajaran kepada kecanggihan teknologi semata-mata, sebaliknya meletakkan teknologi sebagai pemboleh ubah (*enabler*) sementara manusiawi - adab, amanah, dan nilai ketuhanan kekal sebagai pemandu utama di dalam ekosistem akademik (Academic Affairs Division UiTM, 2019). Dalam kerangka ini, pengajaran berasaskan qalbu (*heart-based education*) diperkenalkan sebagai mekanisme rohani yang mendalam untuk menyerapkan nilai-nilai murni tersebut ke dalam jiwa mahasiswa secara berkesan (Noor Syahida Md Soh, 2022).

Pernyataan Masalah

Meskipun kursus MPU digubal dengan objektif murni untuk membentuk watak dan jati diri mahasiswa, pelaksanaannya di peringkat realiti berhadapan dengan sikap skeptikal pelajar yang memandang rendah subjek wajib ini (Noor Syahida Md Soh, 2022). Kebanyakan mahasiswa cenderung menganggap subjek MPU sebagai subjek "kelas kedua" atau bebanan akademik tambahan yang membosankan serta kurang mempunyai nilai relevansi terhadap bidang pengkhususan utama dan prospek kerjaya masa hadapan mereka (Ruzaini Ijon et al., 2021). Pada masa yang sama, kaedah pengajaran tradisional yang terlalu berorientasikan

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1588-1597

peperiksaan bertulis sumatif dan pemindahan maklumat kognitif sehala mengehadkan ruang refleksi kendiri serta dimensi afektif (Noor Aziera et al., 2018). Hal ini menyebabkan subjek MPU dipelajari sekadar untuk lulus akademik tanpa meninggalkan kesan kemenjadian insaniah yang berkekalan (Noor Syahida Md Soh, 2022).

Selain daripada sikap pelajar, kaedah pengajaran tradisional yang terlalu berorientasikan peperiksaan bertulis sumatif dan pemindahan maklumat kognitif sehala turut menjadi batu penghalang (Noor Aziera et al., 2018). Pendekatan pengajaran konvensional ini dilihat mempunyai keterbatasan dalam menyediakan ruang yang mencukupi bagi pelajar untuk melakukan refleksi kendiri yang mendalam serta kurang menyentuh dimensi afektif yang penting bagi pembentukan akhlak. Hal ini menyebabkan subjek MPU hanya dipelajari demi memenuhi syarat kelulusan akademik semata-mata tanpa meninggalkan kesan kemenjadian insaniah yang berkekalan (Noor Syahida Md Soh, 2022). Cabaran ini semakin meruncing seiring dengan kebangkitan Kecerdasan Buatan (AI) dan teknologi disruptif dalam era pascanormal yang berisiko menumpulkan keupayaan berfikir secara kritis serta menjejaskan nilai kemanusiaan sekiranya benteng rohani tidak diperkukuh (Dzulkifli Abdul Razak & Rosnani Hashim, 2019).

Walau bagaimanapun, wujud jurang kajian iaitu penumpuan kajian-kajian terdahulu masih terbatas dalam meneroka model pengajaran berasaskan qalbu (*heart-based education*) yang diselaraskan dengan kerangka Pendidikan 5.0 dan dasar RPTM 2026–2035 (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2026). Oleh itu, bagi mengisi jurang tersebut, kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan mencadangkan pelaksanaan pengajaran berasaskan qalbu menerusi model instruksi A.D.A.B dan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (*High-Impact Educational Practices*, HIEPs). Kajian ini mengemukakan dua persoalan utama: Bagaimanakah kaedah pengajaran berasaskan qalbu dilaksanakan dalam ekosistem MPU? dan bagaimanakah integrasi model A.D.A.B berpotensi menyokong pembentukan sahsiah dan empati mahasiswa mendepani era gangguan AI?

Sorotan Literatur

Epistemologi, Tasawwur Islam, dan Peranan Qalb (Hati)

Dalam tasawwur Islam, ilmu pengetahuan tidak bersifat bebas nilai (*value-free*), sebaliknya terikat secara langsung dengan prinsip tauhid dan nilai ketuhanan (*value-bound*) (Al-Attas, 1980). Hati atau *qalb* diiktiraf sebagai pusat kesedaran moral, kefahaman, dan spiritual yang memandu tindakan fizikal manusia mengikut neraca ketuhanan (Al-Ghazali, 1976). Menurut al-Attas (1980), matlamat akhir pendidikan adalah untuk melahirkan manusia yang baik (*the good man*) yang beradab terhadap diri, masyarakat, dan Pencipta. Oleh itu, pengajaran MPU di universiti harus melampaui pemindahan maklumat kognitif luaran dengan menyentuh dimensi spiritual qalb pelajar agar nilai-nilai murni dapat dihayati dengan tulus (Noor Syahida Md Soh, 2022).

Konsep Ta'dib dan Peranan Pendidik sebagai Muaddib

Proses pemindahan nilai ini diterjemahkan menerusi konsep *ta'dib*, yang merangkumi elemen integratif antara ilmu, pengajaran, dan pengasuhan adab (Al-Attas, 1979). Di bawah kerangka ini, pendidik tidak sekadar bertindak sebagai penyampai maklumat, tetapi memikul tanggungjawab sebagai *muaddib* dan *qudwah hasanah* (contoh teladan) yang menghidupkan

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1588-1597

adab dalam setiap tindakan (Wan Mohd Nor, 2014). Pengajaran nilai moral menerusi kaedah *ta'dib* memastikan pelajar bukan sekadar menghafal teori etika, malah melatih diri berakhlak mulia melalui pemerhatian terhadap adab pendidik (Mior Mohd Mizan et al., 2019).

Model Reka Bentuk Pengajaran A.D.A.B di UiTM dan Built-in Belief (B)

Bagi membudayakan konsep ta'dib dalam era pembelajaran digital, UiTM telah memperkenalkan model reka bentuk instruksi A.D.A.B yang merupakan inovasi berteraskan nilai ke atas model ADDIE konvensional. Model ini mengandungi empat proses utama: *Analyse* (Menganalisis), *Design and Deliver* (Reka Bentuk & Menyampaikan), *Assess* (Menilai), dan *Built-in Belief* (Membina Kepercayaan & Keyakinan). Fasa kemuncak model ini iaitu *Built-in Belief* (B) bertindak sebagai pemangkin adab rohani dengan menggalakkan pelajar membuat refleksi kendiri tentang hubungan ilmu dengan Pencipta, manusia, dan alam sekitar (Norhapizah Mohd Burhan, 2021).

Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) dan Pedagogi Afektif

Pelaksanaan pengajaran berasaskan qalbu dalam subjek MPU disokong hebat oleh Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) yang digariskan oleh kementerian. Integrasi antara pedagogi afektif dengan HIEPs seperti pembelajaran khidmat komuniti (*service learning*) membolehkan nilai etika ditransisikan ke dalam tindakan praktikal (Kementerian Pengajian Tinggi, 2019). Tugasan kolaboratif dan projek khidmat masyarakat ini mendedahkan pelajar kepada realiti sosial yang berupaya memupuk empati sosial, tanggungjawab sivik, dan kemahiran insaniah (Ruzaini Ijon et al., 2021).

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif menerusi kaedah analisis dokumen analitik bagi meneroka dan menilai kerangka dasar serta model instruksi pengajaran berasaskan qalbu dalam ekosistem MPU (Academic Affairs Division UiTM, 2019). Kaedah analisis dokumen dipilih kerana berupaya memberikan kefahaman mendalam mengenai fasa-fasa teoretikal dan praktikal dalam reka bentuk pengajaran (Ahmad Zukarnain et al., 2022). Pengumpulan data dijalankan secara berstruktur dengan menganalisis tiga kelompok dokumen berautoriti utama:

Dokumen Dasar

Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026–2035 bagi mengenal pasti hala tuju Pendidikan 5.0 dan Lonjakan 1 (Pembelajar Berpaksikan Kemanusiaan) (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2026).

Modul Reka Bentuk Instruksi

Model Reka Bentuk Pengajaran A.D.A.B UiTM bagi menganalisis fasa *Analyse, Design & Deliver, Assess,* dan *Built-in Belief* (B) (Norhapizah Mohd Burhan, 2021).

Garis Panduan Kurikulum

Buku Panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) untuk MPU terbitan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (Kementerian Pengajian Tinggi, 2019).

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1588-1597

Data teks daripada dokumen-dokumen ini dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik (*thematic analysis*). Prosedur analisis melibatkan fasa pembacaan mendalam, pengekstrakan kod, dan pembentukan tema utama seperti anjakan pedagogi afektif, pemetaan model A.D.A.B, serta dimensi memanusiakan pendidikan mendepani era AI (Academic Affairs Division UiTM, 2019; Kementerian Pendidikan Tinggi, 2026;). Memandangkan kajian ini bersandar sepenuhnya kepada analisis dokumen tanpa melibatkan sampel pelajar atau data empirikal lapangan, dapatan kajian difokuskan kepada penerokaan potensi, kecenderungan teoretikal, dan implikasi dasar bagi pengajaran MPU.

Analisis Dan Perbincangan

Anjakan daripada Penilaian Teoretikal Tradisional kepada Pedagogi Afektif dan HIEPs

Analisis dokumen menunjukkan bahawa penerapan nilai-nilai murni dalam kursus MPU U1 (Falsafah dan Etika) dan MPU U4 (Khidmat Masyarakat) memerlukan peralihan drastik daripada penilaian kognitif tradisional kepada pedagogi afektif. Sebagai contoh, dalam kursus Falsafah dan Isu Semasa (U1), pensyarah mengintegrasikan isu-isu ketamadunan semasa nasional dan global bagi merangsang pemikiran kritis dan empati pelajar (Noor Aziera et al., 2018). Bagi kursus Khidmat Masyarakat (U4), Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) dilaksanakan secara nyata untuk memastikan pelajar berinteraksi secara aktif dengan komuniti, sekali gus menterjemahkan teori moral ke dalam tindakan amali (Kementerian Pengajian Tinggi, 2019).

Hubungan Sinergik Model A.D.A.B dengan Keberkesanan Pengajaran Qalbu

Hasil analisis membuktikan bahawa Model A.D.A.B UiTM memainkan peranan yang amat besar dalam menyokong kaedah pengajaran berasaskan qalbu (Norhapizah Mohd Burhan, 2021). Setiap fasa di dalam model A.D.A.B dapat dipetakan secara sinergik dengan keberkesanan penerapan nilai murni dalam kalangan mahasiswa seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Pemetaan Sinergik Model A.D.A.B dengan Elemen Pengajaran Qalbu

Fasa Model A.D.A.B	**Pelaksanaan Praktikal Pengajaran Qalbu di UiTM**	**Impak Nilai / Jati Diri Pelajar**
Analyse (Analisis)	Pensyarah menganalisis keperluan emosi, cabaran, dan tahap kesediaan peranti digital pelajar sebelum sesi pengajaran bermula	Memupuk nilai persediaan awal, disiplin diri, serta menghormati masa dan guru
Design & Deliver (Reka & Sampaikan)	Kandungan silibus disampaikan dengan mengaitkan isu semasa, nilai moral ketamadunan, dan kesedaran spiritual	Menyuburkan nilai rasional, kepentingan ilmu, serta kesedaran ketuhanan
Assess (Penilaian)	Menjalankan pentaksiran formatif secara berterusan melalui tugasan kolaboratif, projek komuniti, dan kajian kes	Membina kemahiran transversal, toleransi, komunikasi beradab, dan kerjasama berpasukan

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1588-1597

Built-in Belief (Bina Keyakinan)	Membimbing pelajar membuat refleksi lisan dan bertulis tentang impak ilmu terhadap hubungan dengan Tuhan, diri, dan guru	Kemuncak penerapan adab rohani di mana pelajar menghargai ilmu dan mempunyai keyakinan jiwa yang luhur

Penemuan ini menegaskan bahawa fasa *Built-in Belief* (B) dalam model A.D.A.B menyokong penyerapan nilai spiritual secara semula jadi dalam ekosistem pembelajaran maya mahupun fizikal, sekali gus memperkukuh pembentukan sahsiah pelajar (Norhapizah Mohd Burhan, 2021).

Memanusiakan Ekosistem Pendidikan Mendepani Era Gangguan Kecerdasan Buatan (AI)

Pada era ledakan Kecerdasan Buatan (AI), analisis dokumen mendedahkan bahawa peranan pendidik bukan lagi sebagai penyampai fakta kognitif pasif, sebaliknya sebagai pengasuh jiwa (*muaddib*) yang memindahkan rasa empati dan kasih sayang (Wan Mohd Nor, 2014). Pengajaran berasaskan qalbu bertindak sebagai benteng etika yang kukuh bagi memastikan mahasiswa tidak hanyut oleh arus teknologi disruptif yang bebas nilai (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2026). Melalui bimbingan emosi secara berterusan, maklum balas lisan yang membina, dan komunikasi yang beradab, ekosistem pengajian tinggi berjaya dimanusiakan semula demi kelestarian pembangunan ummah (Noor Syahida Md Soh, 2022).

Implikasi Kajian Dan Sumbangan

Hasil analisis dokumen ini memberikan sumbangan berimpak tinggi dari sudut teoretikal, dasar, dan praktikal:

Sumbangan Teoretikal kepada Pedagogi MPU & Pendidikan Nilai

Kajian ini menyumbangkan pemetaan konseptual yang menghubungkan kerangka Pendidikan 5.0 dengan pedagogi afektif serta memperkayakan literatur MPU dengan menunjukkan bagaimana dimensi spiritual qalbu (*heart-based education*) dan konsep *ta'dib* dapat dioperasikan secara terstruktur menerusi integrasi Fasa *Built-in Belief (B)* dalam model instruksi A.D.A.B (Al-Attas, 1979; Academic Affairs Division UiTM, 2019; Norhapizah Mohd Burhan, 2021).

Implikasi Dasar kepada KPT dan IPT

Kajian ini menyerlahkan keperluan bagi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menyelaraskan Buku Panduan HIEPs MPU dengan menerapkan kriteria pentaksiran afektif secara eksplisit serta menyediakan latihan berterusan untuk memperkasakan pensyarah MPU sebagai *muaddib* (pembimbing adab) (Kementerian Pengajian Tinggi, 2019; Wan Mohd Nor, 2014; Kementerian Pendidikan Tinggi, 2026).

Sumbangan Praktikal kepada Pendidik (Muaddib)

Kajian ini menyediakan panduan praktikal untuk pensyarah MPU U1 (Falsafah dan Etika) dan U4 (Khidmat Masyarakat) dalam merancang aktiviti PdP hibrid atau fizikal yang berpotensi

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1588-1597
menyuburkan empati sosial dan jati diri mahasiswa mendepani cabaran AI (Ruzaini Ijon et al., 2021).

Kesimpulan

Kebangkitan Kecerdasan Buatan (AI) membawa cabaran kritikal terhadap keseimbangan jasmani, emosi, rohani, dan intelek (JERI) mahasiswa, yang berisiko menjejaskan nilai kemanusiaan sekiranya ketahanan rohani tidak diperkukuh (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2026). Bagi mendepani isu kemerosotan emosi, etika, dan keupayaan kognitif ini, integrasi Pendidikan 5.0 dalam subjek MPU menerusi pengajaran berasaskan qalbu (*heart-based education*) menjadi satu keperluan mendasar (Academic Affairs Division UiTM, 2019). Sinergi antara Model A.D.A.B dan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) terbukti mampu membina kubu rohani yang mantap, sekali gus memulihkan peranan hakiki universiti sebagai wadah pemupukan adab (*ta'dib*) dalam melahirkan generasi pembina negara yang berintegriti dan berwawasan murni.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Sains Malaysia atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini menerima sokongan kewangan daripada Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Malaysia, atas peluang dan insentif berharga yang diberikan sepanjang penyelidikan ini dijalankan di bawah Tabung Penyelidikan AM
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Penulis 1: Nik Liyana Mustapa @ Nik Daud bertanggungjawab terhadap pengkonsepan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Penulis 2: Wan Norhaniza Wan Hasan menyumbang kepada penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.
Pengisytiharan Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI)	"Penulis mengisytiharkan bahawa kecerdasan buatan (AI) generatif atau teknologi berbantukan AI telah digunakan semasa penyediaan manuskrip ini. Alat/perisian AI berikut telah digunakan: [Gemini Notebook]. Alat/perisian tersebut digunakan untuk pencarian data, penyuntingan bahasa, penambahbaikan tatabahasa dan rujukan yang berkaitan. Semua kandungan yang dihasilkan atau dibantu oleh AI telah disemak dan disahkan oleh penulis. Penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ketepatan, keaslian, integriti dan kandungan akhir manuskrip ini."

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1588-1597

Rujukan

Academic Affairs Division, UiTM. (2019). UiTM Academic Compass: Education 5.0 @ UiTM - Navigating the Future. UiTM Press.

Al-Attas, S. M. N. (1979). Aims and Objectives of Islamic Education. Hodder and Stoughton.

Al-Attas, S. M. N. (1980). The Concept of Education in Islam. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

Al-Ghazali. (1976). Ihya Ulum al-Din. Juz 1. Mu'assasah al-Halabi wa Syarikah.

Asmawati Suhid. (2006). Pengajaran adab & akhlak Islam dalam membangunkan modal insan. Jurnal Pengajian Umum, 8, 167–178.

Daccache, F. (2019). Technology as a tool for value-driven education: Pedagogical interventions in higher education. Journal of Value-Based Education, 12(3), 45-58.

Dzulkifli Abdul Razak, & Rosnani Hashim. (2019). Pentafsiran Baharu Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelaksanaannya Pasca 2020. IIUM Press.

Kementerian Pendidikan Tinggi. (2026). Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026–2035: Pembina Negara Berpaksikan Kemanusiaan dan Dipacu Matlamat. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Kementerian Pengajian Tinggi. (2019). Buku Panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) untuk Mata Pelajaran Umum (MPU). Jabatan Pengajian Tinggi.

Mior Mohd Mizan Mior Pi, Rahimah Embong, Kasimah Kamaruddin, & Firdaus Khairi Abdul Kadir. (2019). Konsep Ta'dib menurut pandangan sarjana pendidikan Islam. Asian Journal of Civilizational Studies, 1, 52–69.

Ng Ming Yip, & Iswandi Harahap. (2017). Mata Pelajaran Umum (MPU) peneraju transformasi pendidikan holistik. Proceedings of the National Pre-University Seminar (NpreUS2017), 149-155.

Noor Aziera Mohamad Rohana, Siti Nurul Izza Hashim, Mohd Faizal P. Rameli, Norafifah Ab Hamid, & Norizah Mohamed@Daud. (2018). Kaedah pelaksanaan silibus TITAS tanpa peperiksaan akhir di UiTM Cawangan Melaka. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018, 195–202.

Noor Syahida Md Soh. (2022). Analisis penerapan nilai-nilai murni terhadap pelaksanaan kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) di UiTM (Tesis PhD tidak diterbitkan). Universiti Teknologi MARA.

Norhapizah Mohd Burhan. (2021). Pelaksanaan Model A.D.A.B dalam penyampaian dan pembelajaran kursus CTU kaedah biasa dan ODL. Center for Innovative Delivery and Learning Development, UiTM.

Ruzaini Ijon, Muhammad Syukri, & Ateerah Abdul Razak. (2021). Keberkesanan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) dalam pembetulan sahsiah pelajar diploma di UiTM. Jurnal Pengajian Umum Malaysia, 22(2), 105–118.

Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip, Mohamad Fuad Ishak, & Shazarina Zdainal Abidin. (2018). Konsep penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). International Conference on Moslem Society 2018, 1–13.

Wan Mohd Nor Wan Daud. (2014). Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed Muhammad Naquib al-Attas. Penerbit UTM.

Zarina Muhammad. (2007). Pelaksanaan Kaedah Student Centered Learning (SCL) dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia & Kenegaraan Malaysia di UPM. Jurnal Pengajian Umum, 8, 141–166.